

# Mulut, tangan nenek diikat penyamun

## Penjenayah larikan barang kemas, wang tunai RM2,000

Oleh Mohd Khairie Khalid  
am@hmetro.com.my  
Kangar

Seorang warga emas dipertlakukan dengan kejam apabila tangan dan mulutnya diikat dengan tuala oleh seorang penjenayah yang memecah masuk rumahnya sebelum melarikan barang kemas dan wang tunai lebih RM2,000 di Kampung Sanglang, semalam.

Dalam kejadian jam 3 pagi itu, mangsa, Pok Samat, 84, yang tinggal bersendirian dan mempunyai masalah pendengaran sedang tidur sebelum rumahnya dipecah masuk oleh penyamun berkenaan menerusi tingkap.

Adik mangsa yang tinggal bersebelahan, Halim, 74, berkata dia mendengar mangsa meminta tolong selepas melihat penjenayah melarikan diri.

"Sewaktu kakak menjerit meminta tolong, saya sedang tidur dan terkejut lalu bergegas keluar menuju ke rumah mangsa bagi memerik-



POK menunjukkan bagaimana tangannya diikat oleh penjenayah yang memecah masuk rumahnya.

Metro 10/1/13  
MS 52.

sa keadaan sebenar disebabkan kakak berasa risau.

"Apabila tiba di rumah itu, saya melihat mulut kakak disumbat dengan kain, manakala kedua-dua tangan di-

ikat dengan tuala.

"Kakak saya memberitahu bahawa dia diikat perompak sebelum mereka melarikan barangan kemas, termasuk gelang tangan dan wang tu-

nai bernilai lebih RM2,000," katanya.

Sementara itu, Pok berkata, dia tidak mengetahui dari mana lelaki terbabit memasuki rumahnya dan hanya menyedarinya selepas dikejutkan daripada tidur sebelum tangannya diikat dan barangan berharga dilarikan penjenayah.

Katanya, kejadian itu menyebabkan dia kini takut untuk tinggal bersendirian dan masih trauma.

"Lelaki itu masuk melalui tingkap dengan membuka dua keping cermin dan melarikan diri melalui pintu belakang. Sejurus kejadian saya kemudian dipapah adik ke rumahnya bagi menenteramkan diri yang ketakutan," katanya.

**FAKTA**  
Lelaki itu masuk melalui tingkap dengan membuka dua keping cermin

Ketua Polis Daerah Kangar, Superintendan Abdul Rahman Mohd Noordin berkata, pihaknya sedang melakukan siasatan, termasuk memburu suspek.

Katanya, orang ramai yang mempunyai maklumat diminta menghubungi mana-mana balai polis berhampiran bagi membantu siasatan yang dibuat mengikut Seksyen 392/ 397 Kanun Keseksaan.